

18 OCT 1997

DR MAHATHIR TIDAK HADIR ACARA RASMI KERANA SELSEMA

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dapat melawat Pahang seperti yang dijadualkan hari ini kerana beliau masih mengalami selsema.

Menurut Pejabat Perdana Menteri Dr Mahathir telah dinasihatkan supaya berihat beberapa hari.

Sehubungan itu, Dr Mahathir tidak akan menghadiri semua acara rasmi yang dijadulakan esok dan Isnin.

Beliau dijadualkan melancarkan trak nasional yang direka dan dibina oleh Malaysian Truck and Bus Sdn Bhd kepunyaan kumpulan DRB-Hicom di Pekan pagi tadi.

Pelancaran itu telah ditangguhkan oleh syarikat itu.

Semalam, Dr Mahathir tetap menghadiri pembentangan Belanjawan 1998 di Dewan Rakyat walaupun beliau kelihatan tidak berapa sihat.

-- BERNAMA

TCL WAT